

## SYAIR TENGKU BUDRIAH

Zuraidah Mohd Zain  
Harshita Aini Haroon

Almarhum Tengku Budriah binti Almarhum Tengku Ismail menjadi Raja Perempuan Perlis pada tahun 1945 sehingga kemangkatan suaminya Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail pada tahun 2001. Antara 1960 hingga 1965, Tengku Budriah dinobatkan sebagai Raja Permaisuri Agong yang ketiga. Walaupun Almarhum telah turut serta mencorakkan lanskap kehidupan rakyat jelata, khususnya di Perlis, namun, perincian kehidupan Almarhum amat jarang ditemui di dalam khazanah ilmu negara. Sekiranya dihimpun semua tulisan mengenai Almarhum, akan didapati bahawa faktanya berkisar di sekitar beberapa perkara yang serupa. Maka sudah tiba masanya kisah hidup Almarhum dikaji dan didokumenkan dengan sewajarnya agar ia tidak hilang di dalam lipatan sejarah. Selaras dengan semangat memartabatkan pusaka peninggalan masyarakat Melayu silam, kisah hidup Almarhum disemadikan di dalam bentuk syair. Kumpulan syair sejarah empat baris serangkap yang dipersembahkan di sini telah digubah berdasarkan kajian persuratan tentang diri Almarhum daripada sumber Internet dan daripada bahan di Muzium DiRaja Kayang, Perlis. Jelas kelihatan bahawa jumlah fakta yang terdapat adalah amat sedikit, sekali gus menguatkan lagi keperluan untuk melaksanakan kajian mengenai wanita ini di masa hadapan. Pemilihan media syair, yang merupakan kegemaran orang Melayu dalam menyampaikan mesej, serta berperanan sebagai sumber hiburan di zaman lampau, dirasakan amat sesuai dijadikan mukaddimah kepada kajian yang lebih mendalam yang akan dilaksanakan ke atas personaliti istimewa ini.

- |   |  |
|---|--|
| 1.<br>Tersebut kisah seorang puteri<br>Tengku Budriah nama diberi<br>Sungguh indah akhlak pekerti<br>Paras jelita tidak terperi   | 4.<br>Dengan penuh kasih dan sayang<br>Puteri dijaga pagi dan petang<br>Bagai minyak tertib ditatang<br>Besar menjadi manusia matang     |
| 2.<br>Di Kuala Krai negeri Kelantan<br>Tempat lahir puteri budiman<br>Tengku Kadir empunya keturunan<br>Raja Pattani Siam Selatan | 5.<br>Tujuh tahun meniti usia<br>Di sekolah Melayu ilmu ditimba<br>Ke sekolah Inggeris disambung pula<br>Hingga ke Perak jelajah baginda |
| 3.<br>Tengku Ismail ayahnya baginda<br>Tengku Zubaidah nama sang bonda<br>1924 lahir ke dunia<br>Tanggal dua lapan bulan ketiga   | 6.<br>Lemah lembut budi pekerti<br>Muda lela lagi bestari<br>Merata tempat ilmu dicari<br>Otak cergas pemikiran tinggi                   |

*Melestarikan Persempahan Beraja*  
PROSIDING SEMINAR INSTITUSI RAJA (SIRaj)

7. Acara bersukan masa diisi  
Gerakan Brownie dan Pandu Puteri  
Begitu juga badminton hoki  
Pasukan sekolah baginda wakili
8. Sembilan belas patpuluh satu  
Tujuh belas di usia waktu  
Jalinan kasih cinta nan syahdu  
Bertemu jodoh di saat itu
9. Suami berasal dari utara  
Negeri Perlis kerabat di raja  
Dikenali dengan Tuanku Syed Putra  
Rumah tangga aman bahagia
10. Hasil hidup baginda berdua  
Suka duka dilayari bersama  
Dikurnia sepuluh cahaya mata  
Lima puteri lima putera
11. Pernah juga di satu ketika  
Semasa Jepun berleluasa  
Di Kota Baru tempat baginda  
Jalani hidup yang amat sederhana
12. Tidak lama selepas ini  
Yang Maha Kuasa merubah rezeki  
Negeri Perlis takhta diberi  
Singgahsana indah baginda naiki
13. Bulan Mac patpuluh sembilan  
Tuanku Syed Putra rasmii ditabalkan  
Tengku Budriah Raja Perempuan  
Di atas takhta seri menawan
14. Segala alat warisan diraja  
Tombak lembing lambang kuasa  
Tepak sirih tengkolok sasa  
Disusun gagah pandangan mata
15. Berlangsung dalam Balai Rong Seri  
Istana Arau cantik dihiasi  
Gilang gemilang majlis terjadi  
Terukir sejarah indah abadi
16. Nurani luhurst Raja Permaisuri  
Kepada Perlis ingin berbakti  
Orang miskin perhatian diberi  
Kanak-kanak permata hati
17. Kuda haiwan jadi tunggangan  
Bahasa Perancis jadi ucapan  
Masa berlalu tidak dibiarkan  
Tungkus lumus demi kebajikan
18. Memasak juga minat baginda  
Menjahit baju menggubah bunga  
Menanam pokok melakar idea  
Hasil dijual untuk diderma
19. Begitu banyak menabur budi  
Pelajar sekolah pakaian diberi  
Anak angkat projek dimulai  
Memberi peluang para pribumi
20. Tengku Budriah wira pertiwi  
Amat indah hati nurani  
Pelbagai penyakit rakyat deritai  
Khidmat merawat di Pusat Bakti
21. Lagi hasil si buah tangan  
Darulfarah Taman Asuhan  
Lama kelamaan ubah sebutan  
Yayasan Amal nama peninggalan
22. Setengah abad di atas takhta  
Di samping baginda suami tercinta  
Permaisuri Agong Negara kita  
Memberi khidmat sedaya upaya

23.  
Dari Malaya ke Malaysia  
Di singgahsana menabur jasa  
Membina adat nusa dan bangsa  
Agar mantap seantero dunia
24.  
Kepada suami amat dikasihi  
Rasa hormat tidak terpergi  
Sanggup berendam lautan api  
Bersama-sama hidup dikemudi
25.  
Namun sebagus mana pekerti  
Apabila saja dipanggil llahi  
Kepada Allah jua kembali  
Akhirat negeri kekal abadi
26.  
Tuanku Syed Putra menyahut  
panggilan  
Ke rahmatullah tempat pemergian  
Anakanda Sirajuddin pewaris  
kerajaan  
Raja Perempuan Besar Budriah  
dinobatkan
27.  
Walau suami tiada di sisi  
Tengku Budriah terus berbakti  
Pelbagai lembaga menjadi ahli  
Pertubuhan amal baginda naungi
28.  
Satu pagi dua ribu lapan  
Nafas terakhir telah dihembuskan  
Begini sebak penuh tangisan  
Kaum kerabat juga kenalan
29.  
Maka hilanglah permata negeri  
Gemala rakyat paduan hati  
Pergi mengadap Rabbul llahi  
Di mana gerangan mencari ganti
30.  
Jenazah baginda disembahyangkan  
Lalu disemadi bersebelahan  
Dengan suami Almarhum sultan  
Di tanah Perlis Indera Kayangan
31.  
Dari sepuluh puteri dan putera  
Tiga puluh lima cucunda  
Di samping itu terdapat juga  
Dua puluh empat cicinda
32.  
Tinggi menggunung jasa baginda  
Amat dirasai rakyat jelata  
Segala budi tidak dilupa  
Hari ini setiap masa
33.  
Kepada Allah jua diminta  
Agar rohnya dipelihara  
Moga nikmat dan sejahtera  
Bawah jagaan Azza Wajalla